



04 SEP, 2022

## FAMA yakin mampu capai sasaran RM11 juta jualan JDTL tahun ini

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

### FAMA yakin mampu capai sasaran RM11 juta jualan JDTL tahun ini

**JASIN:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yakin mampu mencapai sasaran jualan sebanyak RM11 juta menerusi Jualan Terus Dari Ladang (JDTL) hingga akhir tahun ini.

Ketua Pengarahnya Datuk Zainal Abidin Yang Razalli berkata setakat Julai lepas, kira-kira RM7 juta jualan dicatatkan di seluruh negara membabitkan 855 lokasi terpilih dengan menawarkan lima hingga 10 peratus potongan harga barangan.

“Selain memberi manfaat kepada rakyat mendapatkan bekalan makanan yang dijual secara terus dari ladang dengan harga lebih rendah, ia juga memberi peluang kepada kira-kira 15,000 usahawan tani di bawah bimbingan FAMA menambah pendapatan.

“Menerusi JDTL ini, ia juga melibatkan gabungan

pelbagai jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) seperti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) selain menawarkan pelbagai barangan keperluan seperti ikan, ayam, sayur-sayuran dan buah-buahan menggunakan konsep jualan secara terbuka,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita pada Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (JMKM) anjuran FAMA yang dirasmikan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Zainal Abidin berkata FAMA komited bergabung bersama kementerian-kementerian lain bagi memastikan sekuriti makanan negara terjamin demi rakyat negara ini. — Bernama



04 SEP, 2022

## FAMA yakin mampu capai sasaran RM11 juta jualan JDTL tahun ini

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

JASIN: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yakin mampu mencapai sasaran jualan sebanyak RM11 juta menerusi Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) hingga akhir tahun ini. Ketua Pengarahnya Datuk Zainal Abidin Yang Razalli berkata setakat Julai lepas, kira-kira RM7 juta jualan dicatatkan di seluruh negara membabitkan 855 lokasi terpilih dengan menawarkan lima hingga 10 peratus potongan harga barangan.